



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SIARAN MEDIA

MEKANISME *TRIAL RUN* SISTEM IMIGRESEN BERSEPADU NASIONAL (NIiSe) – PENGUNAAN KOD QR DI LALUAN KERETA MULAI 22 SEPTEMBER 2025

1. PUTRAJAYA, 20 September 2025 – Percubaan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIiSe) pada 22 September 2025 ini akan melibatkan pemeriksaan imigresen dengan menggunakan Kod QR yang dijanakan melalui aplikasi mudah alih MyNIiSe. Fasa awal percubaan pada 22 September 2025 ini melibatkan laluan kereta sahaja di dua pintu masuk utama iaitu:
 - i. Bangunan Sultan Iskandar (BSI): 16 laluan kereta (8 masuk, 8 keluar); dan
 - ii. Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB): 12 laluan kereta (6 masuk, 6 keluar).
2. Yang berikut ialah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggunakan aplikasi MyNIiSe:
 - i. Muat turun aplikasi MyNIiSe melalui telefon pintar menerusi Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery.
 - ii. Jana Kod QR secara individu atau berkumpulan dalam aplikasi.
 - iii. Imbas Kod QR tersebut di lorong kereta yang ditetapkan semasa pemeriksaan imigresen.
3. Bagi membantu melancarkan penggunaan aplikasi MyNIiSe ini, orang ramai juga boleh merujuk panduan langkah demi langkah seperti yang berikut:
 - i. Poster dan video rasmi menerusi Facebook, Instagram dan TikTok KDN serta NIiSe
 - ii. Kemas kini berkala menerusi pelantar media sosial rasmi KDN dan NIiSe.
4. Setakat 19 September 2025, aplikasi MyNIiSe telah dimuat turun oleh lebih 10 000 orang pengguna, menunjukkan penerimaan awal yang positif. Sepanjang tempoh percubaan ini, KDN mengalu-alukan maklum balas pengguna yang boleh disalurkan melalui e-mel support_myniise@imi.gov.my. Selepas fasa laluan kereta, percubaan penggunaan Kod QR di laluan motosikal serta laluan pejalan kaki/penumpang bas akan dimulakan pada bulan berikutnya.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

20 September 2025

- TAMAT -

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri

mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my | 03-88800806/0807/0812